

07 AUG 1998

Mahathir-Internet

ADA USAHA MELALUI INTERNET UNTUK CETUSKAN HURU-HARA DI NEGARA INI

KUALA LUMPUR, 8 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata ada usaha oleh golongan tertentu untuk mencetuskan huru-hara di negara ini menerusi Internet.

Sehubungan itu, Perdana Menteri menasihati rakyat supaya jangan mudah terpedaya dengan dakwah pihak itu kerana semua yang mereka sebutkan dalam Internet adalah bohong.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno menjawab soalan yang dibangkitkan pada persidangan media selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini malam tadi.

Saya fikir (pembowongan menerusi Internet) ini akan berlaku lebih kerap, ... ada jenis manusia tidak bertanggungjawab yang mahu mencetuskan huru-hara dan menimbulkan masalah di negara ini," katanya.

Dr Mahathir yang juga Menteri Dalam Negeri menyifatkan golongan itu sebagai pengkhianat.

Beliau ditanya mengenai khabar angin yang disebarkan melalui Internet kononnya akan berlaku kekacauan di sekitar kawasan Chow Kit dan pergaduhan antara orang Islam dan orang bukan Islam.

Menurut Dr Mahathir, ada pihak sengaja memberi gambaran buruk mengenai Islam dengan tujuan untuk melaga-lagakan orang Islam dengan bukan Islam di negara ini.

Katanya, usaha itu dilakukan oleh mereka yang mendakwa diri sebagai pendakwah, pensyarah dan ulama.

"Ada juga orang yang tiada pendidikan Islam dan berkelulusan lain cuba beri gambaran buruk dengan mengeluarkan maklumat dalam bahasa Inggeris melalui internet yang boleh menyebabkan orang lain berasa takut kepada Islam," katanya.

Dr Mahathir berkata, antara lain tulisan dalam internet itu menekankan tentang soal hukum bunuh kepada orang yang membuat kesalahan tertentu dalam Islam.

Majlis Tertinggi UMNO yang membincangkan mengenai perkara itu mahu parti mengambil langkah menjelaskan kepada orang ramai mengenai ajaran Islam yang sebenar.

Dr Mahathir meminta orang ramai supaya jangan mudah percaya dengan cerita-cerita karut yang terdapat dalam Internet atau dalam ceramah-ceramah agama.

"Jangan percaya cerita karut kononnya manusia mati jadi khinzir, kalau masyarakat Islam boleh terima ini, saya berpendapat mereka sebenarnya tidak faham agama dan tidak faham tabii manusia," katanya.

Apabila kerajaan memberitahu bahawa orang yang bercakap mengenai perkara itu berbohong, masih ada yang nak mempercayainya.

Ketika ditanya mengenai tindakan yang akan diambil terhadap pensyarah yang memberi ceramah agama, Dr Mahathir berkata, kerajaan-kerajaan negeri akan diminta memastikan bahawa hanya pensyarah yang bertauliah sahaja dibenarkan berbuat demikian.

Ketika ditanya bagaimana kerajaan mahu mengatasi masalah penyalahgunaan Internet yang didapati memberi kesan untuk menyebar khabar angin, Dr Mahathir berkata: "Ini masalah kita hadapi sekarang dengan penggunaan Internet untuk menyebar surat layang moden."

Katanya, setakat ini kerajaan tidak dapat mengesan mereka yang melakukan perbuatan itu.

"Tapi ini adalah satu kebebasan yang diagungkan oleh Barat yang

melihatnya sebagai satu hak asasi manusia untuk mencetuskan huru-hara dalam masyarakat mereka. Mereka amat seronok melihat orang seperti ini menyalahgunakan Internet untuk memburukkan keadaan dalam negara," katanya.

Dr Mahathir berkata mereka menggunakan Internet untuk menimbulkan perasaan marah antara satu pihak dengan yang lain untuk melaporkan kononnya akan ada peperangan.

Semasa ditanya apakah cara untuk mengesan orang yang tidak bertanggungjawab menerusi Internet itu, beliau berkata: "setakat ini, kita belum ada cara untuk mengesan mereka."

Ketika ditanya perlukah kerajaan mewujudkan satu badan untuk mengawasi penyalahgunaan Internet, beliau berkata: "sebenarnya kita sedang memikirkannya, malah kita sedang menyemak apa yang masuk dalam Internet ... yang ada alamat senang sedikit tetapi yang tidak ada alamat payah sikit."

Semasa ditanya berapa lama lagi kita harus menghadapinya sebelum sesuatu dilakukan untuk mengatasi masalah itu, beliau berkata: "Apa yang kita boleh buat, kita tidak boleh berbuat apa-apa sekarang, jika boleh, kita akan melakukannya sekarang juga. Kalau boleh saya tangkap orang ini dan bawanya ke tengah jalan dan tibainya."

Mengenai khabar angin berhubung dengan "panic buying" di pasar, beliau berkata, ini akan berlaku lebih kerap kerana ada jenis manusia yang mencetuskan huru hara dan menimbulkan masalah.

"Orang seperti ini pengkhianat," katanya.

Dr Mahathir juga menafi dakwaan kononnya rakyat Indonesia di negara ini sedang mengumpul senjata dan akan merusuh selepas 15 Ogos iaitu tarikh permit kerja mereka tamat.

Ketika ditanya mengenai khabar angin kononnya rakyat Indonesia di negara ini sedang mengumpul senjata dan akan merusuh, beliau berkata: "bohong, tidak ada maklumat langsung mengenai senjata yang mereka kumpul.

Dia (penyebarkan khabar angin dalam Internet) sengaja hendak menimbulkan huru-hara dalam negara," katanya.

Semasa ditanya sama ada penyebaran khabar angin itu orang tempatan atau asing, Dr Mahathir berkata, kerajaan tidak boleh nak tentukannya.

-- BERNAMA

TEAM/ARA FAZ